Penjawat awam 'barisan hadapan' tepis infodemik

Oleh Rohaizan Daud
bhrencana@bh.com.my



Perunding Latihan Kanan, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

Sudah lebih setahun negara berhadapan COVID-19. Di negara ini, pandemik memasuki gelombang ketiga dan menyebabkan lebih 1,300 kematian setakat ini. Meskipun kes harian masih tinggi, ia berada dalam trend penurunan dan dijangka stabil menjelang Mei.

Selari perkembangan teknologi terkini, pelbagai maklumat berkaitan COVID-19 mudah didapati. Namun, ia bukan lesen membolehkan kita menyebarkan setiap maklumat daripada sumber tidak sahih di media sosial kerana dikhuatiri berita palsu atau tidak tepat.

Gejala infodemik merujuk kepada penggabungan 'maklumat' dan 'wabak' tidak tepat berkenaan sesuatu perkara. Infodemik mula digunakan sekitar 2003 dan menjadi sebutan semula ketika pandemik COVID-19 melanda dunia.

Infodemik menimbulkan kekeliruan dan salah faham, seterusnya menjadi penghalang usaha penyampaian maklumat secara berkesan.

Walaupun pelbagai kempen dan peringatan diberikan pihak berkaitan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), ia dipandang sepi sesetengah warga negara.

Tanpa memikirkan kesahihan maklumat, perkongsian terus rancak dilakukan sama ada secara dalam talian atau bersemuka.

Apa lebih mendukacitakan, ada sesetengahnya menyuarakan pandangan dan komen berbaur negatif serta menggunakan perkataan kasar.

Ketika dunia memasuki fasa pelaksanaan program imunisasi atau vaksin COVID-19, gejala infodemik bukan sahaja terus rancak, bahkan lebih merisaukan berisiko menggagalkan program berkenaan.Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), penyebaran maklumat palsu tidak terkawal bukan sahaja menjadi penyebab utama kegagalan program berkenaan, bahkan merencatkan usaha membendung penularan COVID-19.

WHO turut mengenal pasti, keraguan terhadap vaksin menjadi ancaman sejagat yang timbulnya cerita peningkatan penyakit cegahan vaksin kerana banyak maklumat salah dan manipulasi maklumat.



Usaha dan perbelanjaan kerajaan menyediakan program vaksinasi sia-sia jika tiada kepercayaan dalam kalangan rakyat untuk menerima vaksin.

Usaha kerajaan meratakan 'lengkung' infodemik tidak berhasil tanpa kerjasama masyarakat kerana merekalah yang berhak menentukan segala-galanya. Antara jalan terbaik, menjadikan komunikasi berkesan sebagai kriteria penyampaian maklumat melalui penyemakan kesahihan dengan pihak berwajib.

Justeru, mengambil kira 1.6 juta penjawat awam di negara ini, mereka perlu bertindak sebagai ejen komunikasi berkesan bertanggungjawab untuk menyampaikan maklumat sahih.

Dengan kepesatan teknologi, maklumat dan berita boleh didapati sekelip mata, penjawat awam perlu lebih proaktif membantu menyebarkan isu ini. Penjawat awam inilah 'barisan hadapan' untuk memastikan infodemik ditangani sebaik mungkin.

INTAN melalui Kluster Pengajian Pembangunan Pengurusan dan Inovasi turut menawarkan kursus bagi membantu penjawat awam untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi dengan berkesan.

Kematangan berkongsi maklumat dan menyebarkan berita menjadi tanggungjawab bersama. Seterusnya seseorang menjadi lebih selektif dan bijak berkomunikasi sama ada secara semuka atau media sosial.